

LILY EBERWEIN TOKOH PENDIDIKAN DAN POLITIK SARAWAK

Lily Eberwein Political and Education Figure of Sarawak

Fernaldo Calvinter Minggan

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

¹lloydkimbab01@gmail.com

Dihantar: 23 Ogos 2024 / Diterima: 11 Sept. 2024 / Terbit: 31 Disember 2024

Abstrak

Artikel ini mengupas tentang biografi Lily Eberwein sebagai tokoh pendidikan dan tokoh politik melalui penelitian terhadap latar belakang beliau, penglibatan beliau dalam Gerakan Antipenyerahan Sarawak (1941-1951). Objektif artikel adalah untuk mengangkat nama Lily Eberwein dalam pencejaraan tokoh wanita Sarawak yang kurang diberikan perhatian sehingga kini. Pendekatan metodologi kajian yang digunakan adalah pendekatan kualitatif iaitu tafsiran dan kritikan maklumat dari sumber sekunder seperti buku, jurnal artikel, latihan ilmiah dan kertas yang diakses secara fizikal dan maya. Kajian ini mendapati beliau telah meninggalkan sumbangan yang besar dalam bidang pendidikan dan bidang politik di Sarawak. Penglibatan beliau dalam Kaum Ibu sebuah persatuan sosial yang ditubuhkan untuk menyokong usaha peperangan tentera Jepun semasa Perang Dunia Kedua dan semasa Gerakan Antipenyerahan Sarawak. Kajian ini juga mendapati sumbangan beliau dalam menerajui penglibatan kaum wanita di Sarawak di dalam bidang pendidikan melalui pelantikannya sebagai guru dan pengetua Sekolah Permaisuri Perempuan Melayu.

Kata Kunci: Lily Eberwein, Gerakan Antipenyerahan Sarawak, Kaum Ibu, Pendidikan

Abstract

This article examines the biography of Lily Eberwein as an educational and political figure through research into her background, her involvement in the Sarawak Anti-Surrender Movement (1941-1951). The

Fernaldo Calvinter Minggan

objective of the article is to raise the name of Lily Eberwein in the history of Sarawak's female figures who have been given less attention until now. The methodological approach of the study used is a qualitative approach which is the interpretation and criticism of information from secondary sources such as books, journal articles, scientific exercises and papers accessed physically and virtually. This study found that he has left a great contribution in the field of education and politics in Sarawak. His involvement in Kaum Ibu, a social association established to support the war effort of the Japanese army during the Second World War and during the Sarawak Anti-Surrender Movement. This study also found her contribution in leading the involvement of women in Sarawak in the field of education through her appointment as a teacher and principal of the Permaisuri Perempuan Malay School.

Keywords: *Lily Eberwein, Sarawak Anti-cession Movement, Kaum Ibu, Education.*

Pengenalan

Lily Eberwein (Foto 1) merupakan salah seorang tokoh tempatan yang gigih memperjuangkan penentangan penyerahan negeri Sarawak kepada British, walaupun dirinya tidak dikenali ramai seperti tokoh-tokoh pejuang yang lain. Dalam pensejarahan negeri Sarawak, tokoh pejuang yang disanjung tinggi oleh masyarakat Sarawak termasuklah Rentap, Sharif Mahasor dan sebagainya. Walaupun yang demikian, beliau dianggap sebagai salah seorang perwira dalam mempertahankan bumi kenyalang daripada penjajahan kolonial British. Beliau merupakan tokoh wanita Sarawak yang berbangsa Eurasia-Melayu yang menerajui penglibatan kaum wanita di dalam bidang politik di negeri Sarawak, khususnya dalam peristiwa Gerakan Antipenyerahan Sarawak yang berlangsung dari tahun 1946 sehingga tahun 1951. Selain itu, beliau merupakan seorang guru yang telah meninggalkan jasa yang tidak ternilai dalam bidang pendidikan negeri Sarawak sejak tahun 1940-an sehingga tahun 1980.

Latar Belakang Keluarga Lily Eberwein

Lily Eberwein Abdullah atau lebih dikenali sebagai Cikgu Lily, adalah anak perempuan kepada pasangan John Eberwein dan Maznah Binti Ali Binti Alang. Beliau dilahirkan di Jalan Masjid, Kuching pada tahun 11

Julai 1900. Bapanya, John Eberwein, adalah seorang Eurasia berketurunan Belanda dan Scotland dari Pulau Cocos dan saudara kepada keluarga Clunies Ross, pemerintah pulau itu. John Eberwein bekerja sebagai kapten kapal *Rajah Brooke* untuk Syarikat Kapal Steam Selat (*Straits Steamship Company*). Ibunya, Maznah Binti Ali Binti Alang adalah seorang wanita Melayu berasal dari Simanggang, Sarawak (James Alexander Ritchie, 2019).



Foto 1: Lily Eberwein

Sumber: Husna Hazmi, (2022).

Kehidupan Lily Eberwein sebagai seorang Kristian Eurasia

Dilahirkan kepada pasangan yang bercampur keturunannya, identiti Lily Eberwein lebih menjurus kepada identiti bapanya, iaitu seorang Eurasia. Beliau dilahirkan sebagai penganut agama Kristian. Bapanya, John Eberwein yang merupakan seorang Kristian, membenarkan isterinya, Maznah untuk terus memeluk agama Islam. Lily Eberwein telah mendapatkan pendidikan awalnya di Sekolah St. Mary, Kuching. Pada usia 8 tahun, John Eberwein telah membawa keluarganya untuk berpindah ke Singapura. Lily Eberwein telah meneruskan pendidikannya di Sekolah Perempuan Raffles salah sebuah cawangan kepada Institusi Raffles. Semasa berada di Singapura, Lily Eberwein telah didedahkan dengan gaya hidup orang Eropah, dimana keperluan harian beliau telah

diuruskan oleh seorang pembantu lelaki. Namun, apabila John Eberwein meninggal dunia (sebab kematian tidak diketahui sehingga kini) dunia, Maznah dan anak perempuannya terpaksa berpindah semula ke Kuching (Welyne J. Jehom, 2013: 184-185).

Kehidupan Lily Eberwein sebagai seorang Muslim Melayu

Apabila kembali ke Kuching, gaya kehidupan Lily Eberwein dan keluarganya telah berubah dengan drastik. Lily Eberwein terpaksa menyesuaikan diri dengan didikan Melayu Islam, yang dilambangkan dengan penambahan Abdullah pada namanya. Dalam sebuah temu bual dengan anak perempuannya, Hafsa Harun menjelaskan bahawa didikan ibunya berbeza dengan gadis Melayu yang lain. Setelah menjalani gaya hidup Eropah di Singapura, apabila beliau kembali ke Kuching beliau merindui kebebasannya dan tidak suka dikurung di rumah. Beliau telah terbiasa mempunyai seorang pembantu lelaki untuk berkhidmat kepadanya semasa bapanya masih hidup di Singapura, tetapi di Kuching beliau terpaksa berkhidmat kepada bapa saudaranya. Tambahan pula, sebagai seorang wanita yang berpendidikan, beliau sangat lantang menyuarakan pendapatnya sendiri dan merupakan seorang yang berdikari. Lily Eberwein memeluk agama Islam pada 1913 semasa berusia 13 tahun.

Sebelum memeluk agama Islam, beliau telah meluangkan masa untuk memahami terlebih dahulu agama tersebut. Pada ketika itu, rakannya di Sekolah Perempuan Raffles, yang masih lagi berkomunikasi dengannya melalui surat-menyurat, telah menghantar buku dan artikel berkenaan agama Islam untuk tujuan pembacaannya. Selain itu, ahli keluarga dari sebelah ibunya telah berkenalan dengan Lily Eberwein dan telah membantu beliau memahami agama Islam. Pada suatu masa semasa berusia 13 tahun, pengetahuan Lily Eberwein terhadap agama Islam telah mengagumkan ahli keluarga terdekatnya, sehingga penduduk kampung yang berdekatan, telah menghantar anak lelaki ke Lily Eberwein untuk diajar membaca Al-Quran. Hal ini mencerminkan betapa besarnya kepercayaan penduduk kampung berdekatan kepada beliau, oleh kerana pada masa itu, wanita tidak pernah dirujuk untuk tujuan pembelajaran agama Islam. Tambahan pula, Hafsa Harun turut mengatakan bahawa, walaupun Lily Eberwein merupakan seorang Eurasia, hal itu tidak menghalang mereka untuk menerima sebagai seorang Muslim. Lily Eberwein telah menyambung pendidikannya ke

Sekolah St. Mary, Kuching dimana beliau menamatkan darjah tujuh pada usia 15 tahun (Welyne J. Jehom, 2013: 185).

Kerjaya Lily Eberwein

Pada tahun 1927, Lily Eberwein menjadi wanita Melayu pertama yang bekerja di dalam sektor kerajaan. Encik Tate, pengarah syarikat telefon tempatan perusahaan kerajaan telah merekrut beliau untuk bekerja sebagai operator telefon. Lily Eberwein mempunyai penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, sesuai dengan kriteria yang diperlukan oleh seorang operator telefon. Tambahan pula, bapa Lily Eberwein pernah menjadi rakan kepada keluarga Encik Tate (TVS, 19 Julai 2024).



Foto 2: (Dari kanan) Lily Eberwein dan suaminya, Harun bin Haris di Astana Negeri Sarawak semasa lawatan Putera Philip, Duke of Edinburgh ke Sarawak pada tahun 1959 (Paling kiri).

Sumber: Christina-Thomas Mamora (26 September 2021).

Pada 1929, Lily Eberwein meletakkan jawatannya sebagai operator telefon apabila kerajaan Brooke melantik beliau sebagai guru

dan pengetua kepada Sekolah Permaisuri Perempuan Melayu di Kampung Satok pada tahun 1930. Beliau adalah wanita Sarawak pertama yang berkecimpung dalam bidang pendidikan, dan rententan daripada itu, wanita Sarawak yang berpendidikan telah diambil untuk menjadi guru di sekolah Sarawak yang lain. Melalui aktiviti perguruannya di sekolah tersebut, beliau telah dikenali sebagai Cikgu Lily (Najihah Abdul Mutualib, 2009: 227). Pada tahun 1938, ketika masih menyandang jawatan pengetua sekolah itu, beliau telah berkahwin dengan Harun Bin Haris (Foto 2), seorang anggota Korporal di dalam Polis Konstabulari Sarawak, 10 tahun lebih muda daripada Lily Eberwein. Pada ketika itu, perkahwinan pada usia yang lanjut, khususnya bagi kaum wanita, sering menjadi buah mulut dalam kalangan penduduk tempatan. Walau bagaimanapun, mereka tidak mempersoalkan rumah tangga Lily Eberwein kerana mereka mengiktiraf peranannya sebagai seorang guru (Najihah Abdul Mutualib, 2009: 227).

Lily Eberwein dalam ‘kaum ibu’

‘Kaum ibu’ merupakan sebuah persatuan sosial yang ditubuhkan semasa Sarawak di bawah pendudukan tentera Jepun. Penubuhan ‘kaum ibu’ adalah salah satu daripada inisiatif yang terkandung di dalam pelaksanaan Dekri Ketenteraan 1 Oktober 1943 yang bertujuan untuk menambahbaik pentadbiran wilayah British Borneo, khususnya di bahagian Kuching. Dekri ini menekankan penglibatan penduduk tempatan di dalam pentadbiran hal ehwal awam di ‘Borneo Kita’ melalui penubuhan *Ken Sanjikai*’ (Majlis Penasihat Wilayah). Bagi *Kuching-shu*, keahlian *Ken Sanjikai* terdiri daripada para datu Melayu *perabangan* dan yang berpendidikan, kapitan Cina dan penghulu kaum Dayak. Setiap ahli *Ken Sanjikai* dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek pembangunan sosioekonomi yang telah dirancang oleh bahagian pentadbiran hal ehwal awam kerajaan *gunsei-bu* (Reece, 1993: 144).

Kerajaan *gunsei-bu* turut menggalakkan pembentuan persatuan berdasarkan perkauman yang serupa dengan yang muncul di semenanjung Tanah Melayu. Antara persatuan yang muncul termasuklah *India Independence League* (IDC) mewakili komuniti kecil orang India, manakala *The Perimpun Dayak* (TPD) mewakili pelbagai kumpulan kaum Dayak dan kaum Cina diwakili oleh *The Overseas Chinese Association* (TOCA) (Reece, 1993: 144). Orang Melayu pula tidak diwakili oleh sebarang persatuan meskipun pada ketika itu telah wujud *Malay National Union* (MNU). Sebaliknya, kerajaan *gunsei-bu*

telah bekerjasama dengan para datu Melayu *perabangan* untuk meningkatkan kenyakinan orang Melayu terhadap propaganda pejuangan tentera Jepun di dalam Perang Dunia Kedua.

Oleh itu, kerajaan *gunsei-bu* telah menaja dan menu buhkan persatuan ‘kaum ibu’. Keahlian ‘kaum ibu’ dipilih berdasarkan kemampuan dan status dalam komuniti masing-masing serta berasal daripada empat kumpulan etnik utama di Sarawak. Lily Eberwein, pengetua Sekolah Permaisuri Perempuan Melayu dan selaku pengurus persatuan, mewakili orang Melayu, Barbara Bay dan Mary Ong, masing-masing merupakan jururawat, mewakili orang Iban dan orang Cina, manakala Puan Gopala Pilai, isteri kepada doktor India yang terkemuka, mewakili orang India.

Tugas utama ‘kaum ibu’ ialah mengumpul sisa logam dan mengadakan jualan untuk mengumpul dana bagi menyokong usaha peperangan tentera Jepun. Selain itu, ahli ‘kaum ibu’ diarahkan untuk menganjurkan nyanyian dan tarian untuk konsert yang diadakan pada majlis-majlis khas yang dianjurkan oleh kerajaan *gunsei-bu*. Di samping itu, mereka turut dikehendaki menanam dan menyelia ladang ubi kayu yang ketika itu merupakan alternatif kepada beras. Selain daripada tugas-tugas yang dinyatakan, ahli-ahli ‘kaum ibu’ tidak terlibat dalam sebarang kegiatan politik. Mesyuarat bulanannya bersama pegawai-pegawai tentera jepun sering kali membicarakan hal-hal yang melucukan. Walau bagaimanapun, interaksi yang sedemikian telah membantu Lily Eberwein, dan rakan-rakannya dalam ‘kaum ibu’ untuk berani bersuara untuk menyatakan padangan.

Walaupun sibuk dengan kehidupan sebagai seorang guru dan pengurus persatuan, Lily Eberwein tidak pernah mengabaikan tanggungjawab rumah tangganya. Menurut Hafsa Harun, keluarganya terpaksa berpindah dan menetap di rumah saudaranya yang berhampiran dengan Pasir Panjang selama dua tahun. Pada setiap pagi, Lily Eberwein sering membawa Hafsa ke kawasan pantai berdekatan untuk mengajar anaknya menulis dan mengira melalui ukiran pasir. Hafsa mengimbau kembali bahawa detik itu adalah kelas pertamanya dalam Pendidikan. Selepas Empayar Jepun menyerah menyerah kalah pada 2 September 1945 dan tentera Jepun yang terakhir berundur dari Kuching pada 11 September 1945, persatuan ‘kaum ibu’ telah dibubarkan dan ahli-ahlinya telah kembali meneruskan kehidupan masing-masing (James, 22 Julai 2019).

Lily Eberwein dalam Gerakan Antipenyerahan Sarawak

Seuhubungan dengan penyerahan Sarawak kepada British sebagai tanah jajahan Makhota pada 1 Julai 1946, rakyat Sarawak, khususnya orang Melayu telah mengadakan sebuah gerakan untuk menentang penyerahan Sarawak. Gerakan ini diberi nama Gerakan Antipenyerahan Sarawak dari 1946 sehingga 1951. Gerakan ini memperjuangkan pengembalian semua pemerintahan keluarga Brooke, dengan Anthony Brooke memangku takhta Rajah Sarawak sekiranya tercapai. Dalam gerakan ini, rakyat Sarawak telah menyertai pelbagai persatuan politik untuk mengambil bahagian dalam gerakan tersebut dan salah satu parti yang menentang penyerahan adalah *Malay National Union of Sarawak* (MNUS) (dahulu dikenali sebagai MNU) yang dipengerusikan oleh Datu Patinggi Haji Abdillah.

Haji Abdul Rahman, salah seorang ahli konservatif dalam MNUS telah mengambil inisiatif untuk menujuhkan persatuan sayap kaum ibu bagi mengukuhkan kekuatan gerakan antipenyerahan tersebut berdasarkan bilangan individu yang mengambil bahagian. Pada 16 Mac 1947, Kaum Ibu MNUS telah ditubuhkan di Kuching dan mengadakan mesyuarat perasmianya yang dihadiri oleh 1,000 wanita. Lily Eberwein, pengetua Sekolah Permaisuri Perempuan Sarawak telah dilantik sebagai Pengurus manakala Ajibah Abol, bekas anak murid dan rakan sekerja Lily Eberwein telah dilantik sebagai Setiausaha. Pelantikan Lily Eberwein sebagai calon yang mempengerusikan persatuan tersebut kerana beliau mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi dalam kalangan wanita Sarawak dan berpengalaman dalam mengetuai persatuan sosial wanita yang ditubukan ketika Sarawak di bawah pendudukan Jepun. Tambahan pula, suami beliau dan keluarganya merestui penyertaan beliau dalam persatuan itu. Dalam mesyuarat itu, Lily Eberwein dan Ajibah Abol, bersama beberapa wanita yang hadir telah mengadakan perbincangan yang menyentuh pelbagai topik, merangkapi gerakan nasionalis Melayu, sejarah negeri Sarawak, kemunduran wanita Sarawak dan hak-hak mereka sebagai seorang wanita. Seorang editor akhbar *Sarawak Tribune*, yang berkesempatan untuk memerhatikan mesyuarat itu dari jauh, menyifatkannya sebagai sebuah peristiwa yang signifikan dalam sejarah politik Sarawak. Mesyuarat itu telah didokumentasikan oleh akhbar *Sarawak Tribune*, yang diterbitkan pada 17 Mac 1947. Editor yang demikian telah meninggalkan komennya mengenai mesyuarat itu pada bahagian editorial akhbar seperti yang berikut:

What a far cry the women of today are from their grandmothers... There is no bashfulness that so characterized a woman in the old days when making public appearance, and the woman of today stands out on just as firm and equal a ground as that of any man, in full realization of the part they have to play in the country (Sabihah Osman, 1990: 158).

Seperti mana yang dilakukan oleh MNUS, matlamat Kaum Ibu MNUS adalah memperjuangkan pengembalian semula pemerintahan Brooke dan mempertahankan hak orang Melayu. Sehubungan dengan penubuhannya di Kuching, cawangan Kaum Ibu MNUS turut membuka cawangannya di Sibu. Persatuan Pergerakan Melayu Muda (PPM) turut mencontohi MNUS dan menubuhkan sayap kaum ibunya sendiri dengan nama Kaum Ibu PPM. Kaum Ibu PPM dipengerusikan oleh Sharifah Sifah dan disetiausaha oleh Dayang Fauziah. Selain itu, beberapa pesatuan politik kecil telah muncul seperti Persekutuan Bumiputera Sarawak (PBS), Persatuan Melayu Limbang (PML), Perhimpunan Kebajikan Barat (PKB), Kesatuan Kelab Dalat (KKD) dan Sulam Mas Seria (SMS) (Reece, 1977:417).



Foto 3: Kaum Ibu PKMS pada tahun 1947

Sumber: Christina-Thomas Mamora (26 September 2021).



Foto 4: Ahli-ahli Kaum Ibu dalam sebuah demonstrasi di Kuching pada Julai 1947
Sumber: Reece (1993:142).

Dalam kempen untuk memenangi sokongan kaum Dayak terhadap gerakan antipenyerahan, Kaum Ibu MNUS memainkan peranan yang penting. Diketuai oleh Lily Eberwein selaku Pengurus, Kaum Ibu MNUS menjalankan kempenya dari satu rumah panjang ke rumah panjang yang lain dengan berjalan kaki atau menaiki bot. Isteri Anthony Brooke, Kathleen yang melawat Sarawak pada bulan Julai 1947 turut menyertai kempen tersebut (Foto 5). Haji Su'aut Tahir, Setiausaha Agung Barisan Pemuda Sarawak (BPS) dan ahli MNUS yang berkelapangan turut serta melibatkan diri dalam kempen. Rakyat Sarawak, khususnya Kaum Ibu MNUS cawangan Sibu, menyambut baik lawatan mereka. Kempen tersebut membawa hasil yang positif apabila 53 penghulu Iban memberikan cap ibu jari mereka sebagai tanda sokongan terhadap perjuangan gerakan antipenyerahan itu. Walau bagaimanapun, Lily Eberwein dan mereka yang mengambil bahagian dalam kempen ini berdepan dengan kekecewaan apabila mendapat tahu bahawa pentadbiran kerajaan kolonial British telah mempengaruhi penghulu Iban tersebut untuk tidak menyokong gerakan itu.



Foto 5: Lily Eberwein bersama Kathleen Brooke dalam sebuah kempen untuk meraih sokongan kaum Dayak terhadap perjuangan gerakan antiperyerahan bulan Julai 1947

Sumber: Reece, 1993: 142.

Menjelang akhir tahun 1946 dan awal tahun 1947, gerakan antiperyerahan Sarawak semakin rancak dengan kemunculan 52 buah persatuan yang mengambil bahagian dalam gerakan. Oleh itu, Ketua Setiausaha kerajaan kolonial British di Sarawak telah mengeluarkan Surat Pekeliling Bil.9/1946 yang menggariskan pemecatan serta merta mana-mana kakitangan kerajaan yang terlibat dalam gerakan itu untuk untuk membendung gerakan itu (Sarawak Report (1988):7; Mohammad Hasbie Sulaiman (1989):108). Sebagai tindak balas kepada surat pekeliling ini, pada 2 April 1937, 338 kakitangan dari pelbagai jabatan kerajaan telah meletakkan jawatan masing-masing. Lily Eberwein dan Ajibah Abol adalah antara guru sekolah Melayu yang meletakkan jawatan dan seramai 338 kakitangan ini telah berkumpul di Darul Kurnia untuk sesi bergambar sambil membentuk formasi C9 (Foto 6) sebagai simbol bantahan terhadap surat pekeliling itu (Welyne J. Jehom, 2013: 187).



Foto 6: Penjawat awam yang meletakkan jawatan yang membantah Surat Pekeliling Bil.9/1946 membentuk formasi C9 di Darul Kurnia

Sumber: Brooke Trust (27 April 2016).

Berikutan perletakan jawatan 338 kakitangan, khususnya 87 daripada 152 guru Melayu dari jabatan pendidikan dan 56 guru pelatih dari Maktab Perguruan Melayu Sarawak, 1/3 daripada sekolah Melayu di Sarawak terpaksa ditutup akibat kekurangan tenaga pengajar (Muhammad Khalilur Rahman, 2020:29). Sementara itu Lily Eberwein, bersama sekumpulan guru lelaki telah mengadakan perbincangan untuk mendirikan sebuah sekolah rakyat bagi menyediakan pendidikan kepada golongan anak dan pemuda tempatan. Hasil daripada perbincangan itu, Sekolah Rakyat Sarawak telah didirikan di bangunan rumah Datuk Temnggong di Kampung Bintangor pada 27 September 1947.

Sekolah itu menawarkan pendidikan percuma kepada kanak-kanak. Para guru di sekolah ini, termasuklah Lily Eberwein mengajar secara sukarela dan bersama-sama mengambil bahagian dalam menguruskan pentadbirannya. Kebanyakkan guru yang mengajar di sekolah ini adalah guru-guru dari sekolah Melayu dan sekolah madrasah. Lily Eberwein merupakan ahli dalam Lembaga Pengurusan sekolah ini pada tahun 1947 sehingga 1950 sebelum beliau meletakkan jawatan untuk menubuhkan sebuah sekolah persendiriannya (Haji Ahmad Zaidell Tahir, 1981: 1-3).

Semasa gerakan antipenyerahan berlangsung, perusahaan akhbar tempatan aktif dalam kegiatan menemu bual individu yang terlibat dalam gerakan itu. Dalam temu bual dengan *Straits Times*

(Singapura) bertarikh 21 Julai 1947, mengenai gerakan antipenyerahan, Lily Eberwein menyatakan kebimbangannya terhadap kesan gerakan itu terhadap pendidikan orang Melayu. Dalam artikel yang bertajuk "*Education Standstill*", beliau menyatakan bahawa bantahan terhadap penyerahan itu mempunyai kesan yang paling serius terhadap pendidikan, yang hampir terhenti. Beliau menegaskan bahawa kedudukan pendidikan di Sarawak mesti kekal menjadi kebimbangan orang ramai "selagi kontroversi yang tidak menyenangkan ini berlarutan", merujuk kepada penyerahan. Beliau juga menyatakan bahawa kaum Melayu, bersama-sama dengan kaum pribumi akan berjuang tanpa henti untuk memperoleh kemerdekaan negeri Sarawak.

Dalam artikel itu, beliau dengan jelas mengenal pasti dirinya sebagai seorang Melayu dan mengiktiraf keperluan untuk memerdekaan negara Sarawak, tetapi juga menyatakan kebimbangannya tentang kesan perjuangan nasionalis terhadap pendidikan dan dengan itu kepada rakyat Sarawak. Dalam memoirnya, Anthony Brooke dengan jelas mengiktiraf kepentingan peranan wanita dalam gerakan anti-sesi. Beliau secara khusus mengetengahkan usaha Eberwein, menyatakan bahawa "dorongan baru diberikan kepada pergerakan itu kerana inisiatif Chegu (guru besar) Lily Eberwein, yang membentuk cawangan wanita pergerakan itu. Selain merupakan pengasas kepada Sekolah Rakyat Sarawak, beliau turut menujuhkan sebuah sekolah persendirian selepas gerakan antipenyerahan (The Straits Times, 21 Julai 1947).

Pembunuhan Gabenor Sarawak Kedua, Sir Duncan George Steward pada 3 Disember 1949 oleh aktiviti anti-penyerahan, Rosli Dhobi yang menganggotai Rukun 13 telah mengakibatkan kerajaan kolonial British mengambil tindakan tegas terhadap gerakan antipenyerahan dengan membubarkan dan membanteras sebahagian besar persatuan-persatuan politik yang terlibat dalam gerakan antipenyerahan dan kegiatannya. Persatuan Ibu Kaum MNUS di Kuching dan di Sarawak pula dikekalkan namun tidak lagi melakukan sebarang kegiatan politik. Setahun selepas peristiwa pembunuhan itu, Anthony Brooke mendesak rakyat Sarawak agar tidak lagi meneruskan kegiatan gerakan antipenyerahan itu. Beliau turut merayu rakan seperjuangan dan penyokongnya di Sarawak untuk menerima kerajaan kolonial British. Kecewa dengan desakan Anthony, individu dan persatuan yang terlibat dalam gerakan antipenyerahan telah reda dengan situasi demikian. Sarawak kekal menjadi tanah Jajahan Mahkota sehingga 22 Julai 1963 apabila ianya mencapai kemerdekaan dari British

Fernaldo Calvinter Minggan

dan kemudian menjadi rakan dalam pembentukan Persekutuan Malaysia 16 September 1963 (Christina-Thomas Mamora, 26 Septemer 2021; Sabihah Osman, 1990:157; Welyne J. Jehom, 2013:190).

Kesimpulan

Lily Eberwein Abdullah atau lebih dikenali sebagai Cikgu Lily merupakan seorang tokoh wanita yang berperanan besar dalam politik semasa Gerakan Antipenyerahan Sarawak (1946-1951) dan bidang pendidikan di Sarawak. Lily Eberwein giat memperjuangkan nasib orang Sarawak, tatkala sibuk menjalankan tanggungjawabnya sebagai Pengurus Kaum Ibu MNUS, beliau tekad untuk menjaga kepentingan pendidikan orang Melayu dengan meletak jawatan dari pekerjaannya dan kemudian menubuhkan Sekolah Rakyat Sarawak untuk menyediakan pendidikan bagi anak tempatan Sarawak yang terkesan akan penutupan 1/3 sekolah Melayu berikutan peletakan jawatan guru secara besar-besaran untuk membantah sebuah surat pekeliling yang cuba memadamkan api perjuangan gerakan anti penyerahan tersebut. Sebagai penghargaan kepada jasa yang telah dicurahkan oleh beliau, kerajaan Sarawak telah menganugerahkan beliau dengan dua anugerah tempatan dan namanya diabadikan sebagai guru teladan pada 1977, melambangkan legasinya dalam bidang politik. Walaupun beliau meninggal dunia pada 1980, penglibatan wanita dalam bidang politik tidak terhenti begitu saja, sifat kepimpinannya telah diwarisi oleh dua orang anak didiknya iaitu, Datuk Ajibah Abol dan anak perempuannya, Datuk Hajah Hafsa Harun, yang mana kedua-duanya telah meninggalkan pencapaian dan sumbangan yang signifikan dalam negeri Sarawak. Oleh yang demikian, tidak dinafikan bahawa Lily Eberwein, merupakan tokoh wanita tempatan yang telah menerajui penglibatan wanita dalam bidang politik dan bidang pendidikan.

Senarai Rujukan

Dokumen Arkib

The Straits Times. *Education at Standstill*. 21 Julai 1947.

Jurnal dan Buku

Haji Ahmad Zaidell Tahir. (1981). History of Sekolah Rakyat. *The Malaysian Historical Society, Sarawak Branch*.

- Haji Mohammad Hasbie Sulaiman. (1989). *Perjuangan Anti-Cession Sarawak: Peranan Utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak*. Kuching: Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak.
- Muhammad Khalilur Rahman Tamam. (2020). Social Change and Identity – Education and the Socio-Political Awareness of Sarawak Malays Before 1963. *Trends in Undergraduate Research*. 3(2):22-32.
- Najihah Binti Abdul Mutalib. (2009). Pencapaian Masyarakat Melayu Sarawak Dalam Bidang Pendidikan Sebelum dan Selepas Merdeka. *Jurnal Pengajian Melayu*. Vol. 20: 219-240.
- R. H. W Reece. (1993). *The Name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*. Kuala Lumpur: Sarawak Literary Society.
- Sabihah Osman. (1990). The Malay-Muslim Response to Cession of Sarawak To The British Crown 1946-51. *JEBAT* Vol.18: 145-174.
- Sarawak Report (1988). *Sarawak Report (1963-1983)*. Sarawak: Malaysian Information Services.
- Welyne J. Jehom. (2013) *Lily Eberwein: Her life and Involvement in the Anti-cession Movement in Sarawak*. Dalam, Susan Blackburn & Helen Ting. *Women in Southeast Asian Nationalist Movement*. Singapore: NUS Press.

Laman Sesawang

- Brooke Trust. (27 April 2016). *Sarawak Civil Servants Resign*. Dalam, <https://www.brooketrust.org/history-of-Sarawak>. Diakses pada 24 Julai 2024.
- Christina-Thomas Mamora. (26 September 2021). *Lily Eberwein heralded departure of Sarawak womenfolk's from traditional role as homemakers into serious involvement in politics*. Dalam, <https://www.theborneopost.com/2021/09/26/pioneering-the-way-to-empower-women/>. Diakses pada 21 Julai 2024.
- James Alexander Ritchie. (3 Januari 2019). *A brief history of Eurasians in Sarawak*. Dalam, <https://www.newsarawaktribune.com.my/a-brief-history-of-eurasians-in-sarawak/>. Diakses pada 22 Julai 2024.
- James Alexander Ritchie. (14 September 2019). *Celebrating Sarawak's World War 2 Heroes*. Dalam, <https://www.newsarawaktribune.com.my/90015-2/>. Diakses pada 22 Julai 2024.

Fernaldo Calvinter Minggan

Husna Hazmi. (17 Jun 2022). *Kenali 4 Wanita Hebat Kelahiran Borneo Yang Pernah Melakar Sejarah.* Dalam, <https://www.iloveborneo.my/kenali-4-wanita-hebat-kelahiran-borneo-yang-pernah-melakar-sejarah/>. Diakses pada 21 Julai 2024.

TVS. (19 Julai 2024). Stadium SUKMA TV2, *Sarawak Women In History, Lily Eberwein (Episode 1).* Dalam, https://youtu.be/vXosBfme9Js?si=Dqaqc_EL7OIrvbDq, 19 Julai 2024. Diakses pada 22 Julai 2024.